

PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH ILIT



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2454-perbarisan-pegawai-memerintah-ilit

ALOR SETAR, 14 Sept 17 - Perbarisan Pegawai

Memerintah ILIT bagi penggal kedua tahun 2017 telah dilaksanakan di perkangan ILIT. Perbarisan tersebut yang diketuai oleh Lt Kdr Muliadi bin Mohd Nor TLDM bersama 08 pegawai pelatih Kursus Jurulatih Penerbangan (FIC) Siri 55/17 dan 15 pelatih Kursus Jurulatih Kabin (CIC) Siri 04/17.

Dalam perbarisan tersebut, Pegawai Memerintah ILIT, Lt Kol Muhammad Amir bin Abdullah TUDM mengucapkan setinggi penghargaan kepada warga ILIT kerana penglibatan dalam beberapa aktiviti di peringkat TUDM dan Kolej Tentera Udara serta mengharungi tahun 2017 dengan jayanya. Beliau mengucapkan tahniah kepada pelatih CIC yang berjaya menamatkan kursus mereka di ILIT serta memberi motivasi kepada pelatih FIC agar sentiasa cekal dan fokus kepada fasa latihan penerbangan yang dirancang. Majlis telah dimeriahkan lagi upacara pemakaian pangkat kepada dua anggota Kuartermaster Udara iaitu Sjn U Hong Kim Soon dan Sjn U (W) Norashida binti Ramli yang telah dinaikkan pangkat kepada Pemangku Flait Sarjan berkuatkuasa mulai 14 Sep 17.



